



# e-Buletin



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI MEI 2015



0:45 / 6:00



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
ADD TO FAVORITES



ADD TO FAVORITES



DOWNLOAD



28,000



0

1,000,000  
views



LAWATAN KERJA  
KE ROMPIN



LAWATAN KERJA KE  
KK MUAR



TALENT GROOMING PROGRAMME  
(TGP)



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/  
kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)




<http://twiter.com/kkmputrajaya>



[http://www.youtube.com/  
kementeriankesihatan](http://www.youtube.com/kementeriankesihatan)



[http://instagram.com/  
kementeriankesihatanmalaysia](http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia)



## Hari Jururawat Sedunia Tahun 2015

Tarikh: 12 Mei 2015

Tempat: Ideal Convention Centre, Shah Alam



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Hari Jururawat Sedunia Tahun 2015 Peringkat Kebangsaan. Bersama-sama turut hadir ialah YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU, YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim, TKPK (KA), Puan Maryam Madhar Ali, Presiden Persatuan Jururawat Malaysia dan Puan Matron T. Selvin, Pengarah Kejururawatan. Hampir 4,000 orang jururawat seluruh negara telah hadir. Tema tahun ini iaitu "Nurse A Force Change: Care Effective, Cost Effective – Improving Health and Well-Being". YBMK telah menyeru agar jururawat sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan (care effective) dengan penggunaan kos yang lebih rendah (cost effective). Selain itu, jururawat juga memainkan peranan utama dalam menjayakan prinsip kos tindakan pencegahan lebih murah daripada kos pemulihan.



## Lawatan Kerja YBTMK ke Kampung Kedaik

Tarikh: 2 Mei 2015

Tempat: Rompin, Pahang



|| ▶◀ ▶▶ ▶ 0:40 / 8:00

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah turun padang bersama masyarakat Kampung Orang Asli di Kampung Kedaik untuk mempromosikan perkhidmatan kesihatan. Program tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat orang asli mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

**MAHARANI DIABETIC CENTRE**  
Dinamikan Oleh :  
DA BINTI MOHD ALI  
Klinik Kesihatan Bandar Maharani  
Tarikh: 19 Mei 2015  
Tempat: Muar, Johor

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bandar Maharani. Turut hadir ialah Puan Rahmah Ramli, SUB Pembangunan, Puan Roszaini, SUB Pengurusan Maklumat dan Puan Kamarunnesa wakil Bahagian Farmasi serta barisan pegawai dari Pharmaniaga. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kemajuan sistem Pharmacy Information System dan Clinic Pharmacy System (PhIS-CPS) yang merupakan sebahagian daripada penambahbaikan kepada kontrak konsesi dengan Pharmaniaga.



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, KPK telah menghadiri *Talent Grooming Programme (TGP), Inspirational Leadership Talk Series*. YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi, Pengurus Eksekutif Nadicorp Holdings telah berkongsi pengalaman dan pemikiran berwawasan melalui ceramah bertajuk "Realising Leadership through Innovative Thinking". Setiap pemimpin disarankan menjadikan inovasi sebagai budaya dalam sesuatu organisasi diceburi khususnya di KKM.

## Lawatan kerja Ke Klinik Kesihatan Seberang Jaya

Tarikh: 5 Mei 2015

Tempat: Seberang Jaya, Pulau Pinang

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Seberang Jaya. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Lokman Hakim Bin Sulaiman, TKPK (KA), YBhg. To' Puan Dr. Safurah Binti Jaafar, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Dr. Azlin Bt Muhamad Radzi, Pengarah Hospital Seberang Jaya. Lawatan bertujuan untuk melihat perkembangan kemudahan Klinik Kesihatan Seberang Jaya.



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Pulau Pinang. Turut hadir ialah Dr. Sukumar Mahesan, Pengarah Hospital Pulau Pinang dan Dr. Shameni Sundram, Timbalan Pengarah (Perubatan) II, Hospital Pulau Pinang. Lawatan ini bertujuan meninjau keadaan semasa Hospital Pulau Pinang dan sebuah bangunan baru yang akan dibina bagi mengurangkan kesesakan jumlah pesakit luar yang mencecah 800 orang setiap hari. Projek yang bernilai RM250 juta tersebut akan melibatkan satu blok empat tingkat selain kemudahan rawatan kepada pesakit kanak-kanak dan wanita.





YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, YBTMK telah mengadakan lawatan ke Hospital Muazam Shah. Lawatan disertai oleh YB Datuk Norol Azali Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kemudahan dan pesakit yang datang untuk mendapat rawatan dan perkhidmatan di hospital tersebut. Hospital ini hanya mempunyai 13 mesin dialisis yang mampu menampung 30 pesakit sehari. Namun dengan adanya unit dialisis baharu di Hospital Rompin, ia dijangka mampu menampung keperluan mendesak untuk rawatan penyakit.

**Lawatan Kerja YBTMK ke Hospital Muazam Shah**

Tarikh: 2 Mei 2015  
Tempat: Rompin, Pahang

**Persidangan Pengerusi-Pengerusi Lembaga Tatatertib KKM**

Tarikh: 27 Mei 2015  
Tempat: Dewan Serbaguna, IPKKM



YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU telah menghadiri Persidangan Pengerusi-Pengerusi Lembaga Tatatertib KKM. Turut hadir bersama ialah Encik Saiful Anwar bin Lebai Hussen, TKSU(P), YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK(KA), Pengarah-Pengarah JKN serta ahli-ahli Lembaga Tatatertib. YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah dijemput menyampaikan taklimat bertajuk "Isu dan Cabaran Pengurusan Tatakelakuan Penjawat Awam" manakala Tuan Nik Azhan bin Nik Mahmood Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Municipal II), pula menyampaikan taklimat bertajuk "Prinsip Keadilan Dan Pengurusan Kes Tatatertib". Persidangan tersebut mengupas isu-isu yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan perkhidmatan awam serta mempertingkatkan kemahiran dalam penentuan kesalahan bagi setiap tindakan yang diambil. Buku Panduan "Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Kementerian Kesihatan Malaysia" telah dilancarkan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah melancarkan Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan. Turut hadir bersama ialah YB Tan Sri Joseph Kurup, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Kementerian Kesihatan mensasarkan seramai 50,000 sukarelawan akan menyertai KOSPEN tahun hadapan bagi memupuk kesedaran penjagaan kesihatan dan kawalan penyakit dari peringkat akar umbi.

**Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN)**

Tarikh: 10 Mei 2015  
Tempat: Hulu Klang

|| ▶▶ 2:30 / 5:00 ⏻



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, KPK telah merasmikan 18th FMS Scientific Conference yang dianjurkan oleh The Family Medicine Specialist (FMS) Association yang bertemakan 'Transforming Care Enhancing Value'. Penjagaan kesihatan utama (PHC) sebagai teras dalam sistem penjagaan kesihatan Malaysia perlu diperkuuhkan. KKM sedang memperkenalkan Konsep Doktor Keluarga (FMS) berpusat, menyelaras penjagaan berterusan dan kesihatan yang dekat dengan masyarakat.

**18th Family Medicine Scientific Conference 2015**  
"Transforming Care...Enhancing Value"  
Primula Beach Hotel Kuala Terengganu  
13 to 16 May 2015

Opening Ceremony by:  
**Datuk Dr Noor Hisham Abdullah**  
Director General of Health Malaysia

**18th FMS Scientific Conference**

Tarikh: 14 Mei 2015  
Tempat: Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu

|| ▶▶ 5:00 / 9:00 ⏻





## Lawatan Kerja Ke Tapak Projek Klinik Kesihatan Kuala Lumpur

Tarikh: 15 Mei 2015

Tempat: Jalan Fletcher, Kuala Lumpur

|| ▶◀ ▶▶ 🔍 0:30 / 7:00



YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan projek baru Klinik Kesihatan Kuala Lumpur.

Turut hadir ialah Puan Rahmah, SUB Pembangunan, Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Kejuruteraan, Puan Wong Foong Lai, SUB

Kewangan dan YBhg. Datuk Narimah, Pengarah JKNWPKL & Putrajaya. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau perkembangan Projek Klinik Kesihatan Kuala Lumpur dan perbincangan proses kerja memindahkan pesakit luar dari Hospital Kuala Lumpur. Projek yang bernilai RM50 juta dijangka siap pada Januari 2016 mampu menampung seramai 3,000 sehingga 4,000 orang sehari dan merupakan klinik kerajaan serta klinik pergigian terbesar di Malaysia.



YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU mengadakan lawatan kerja ke Hospital Nora Ismail (HNI), Batu Pahat yang telah mengalami kerosakan yang berlarutan selama 3 tahun. Turut hadir ialah Dr. Azimah, Pengarah HNI, En. Iskandar, wakil Jabatan Audit Negara dan En. Latif wakil JKR. Hasil pemeriksaan oleh KSU mendapati terdapat 600 kerosakan yang masih belum dibaikpulih. Ini melibatkan bilik Isolasi dan ICU yang tidak dapat digunakan dan hampir kesemua pintu rintangan wad tidak berfungsi. Pihak JKR dan kontraktor disarankan agar mengambil tindakan dengan kadar segera dan membuat baikpulih terhadap kerosakan yang terdapat di hospital tersebut.



## Lawatan Kerja Ke Hospital Nora Ismail (HNI)

Tarikh: 19 Mei 2015

Tempat: Batu Pahat, Johor

|| ▶◀ ▶▶ 🔍 0:40 / 8:00





YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Annual Scientific Meeting On Antimicrobial Resistance & Pelancaran National Antibiotic Guideline 2nd Edition 2015. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Eisah A. Rahman, Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM dan YBhg. Datuk Dr. Azman Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan. YBMK menyeru agar semua doktor dan ahli farmasi mematuhi garis panduan antibiotik yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengatasi rintangan antibiotik yang menjadi ancaman kesihatan global kini. Kewujudan ancaman rintangan antibiotik adalah disebabkan penyalahgunaan antibiotik yang boleh menyukarkan proses perawatan pesakit.



**Mesyuarat Agung Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu**

Tarikh: 16 Mei 2015  
Tempat: Adya Hotel, Langkawi

|| ▶◀ ▶ ▶ 0:40 / 8:00

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia di Adya Hotel, Langkawi. Turut hadir ialah Exco Kesihatan Negeri Kedah dan Ahli Parlimen Langkawi. YBTMK telah mengambil kesempatan untuk menziarahi pesakit-pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di Hospital Langkawi bagi mendapatkan maklum balas terhadap perkhidmatan di hospital berkenaan.



## Lawatan kerja Ke Hospital Banting & Kempen Derma Darah

Tarikh: 23 Mei 2015

Tempat: Hospital Banting

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Kempen Derma Darah. Turut hadir ialah YBrs. En. Saiful Anuar, TKSUP. YBTMK turut mengambil kesempatan untuk membuat lawatan kerja rasmi ke hospital Banting. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau keadaan hospital dan juga mendapatkan maklum balas terhadap perkhidmatan di hospital berkenaan.



**Selamat Datang**  
**LAWATAN KERJA**  
YB DATO' SERI DR. HILMI B. HAJI YAHAYA D.G.P.N, D.M.I.P.N  
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN

PEMANTAUAN KESIHATAN DAERAH JELA & UNGU PADA PERIODE 1-3 MEI 2015

KE DAERAH ROMPIN  
1 MEI 2015 - 3 MEI 2015

**Lawatan Kerja Ke  
Pejabat Kesihatan Daerah Rompin**

Tarikh: 1-3 Mei 2015  
Tempat: Rompin, Pahang



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Pejabat Kesihatan Daerah Rompin. Lawatan bertujuan untuk meninjau fasiliti dan beramah mesra dengan warga kerja Pejabat Kesihatan Daerah Rompin.



## Sumbangan Bantuan Perubatan Mangsa Gempa Bumi Nepal

Tarikh: 28 Mei 2015

Tempat: Ruang Legar, Bilik Gerakan, Aras 4. Blok E7, KKM



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah hadir dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Perubatan Kepada Mangsa Gempa Bumi di Nepal. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, KPK , Diong Sing Peng Presiden *Malaysian Organization of Pharmaceutical Industries (MOPI)* dan H.E. Dr. Niranjan Man Singh Basnyat, Kedutaan Besar Nepal. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Industri Farmasi Malaysia (MOPI) telah menyumbangkan ubat-ubatan dan bekalan perubatan untuk meringankan beban mangsa gempa bumi di Nepal. Sebanyak empat syarikat pengeluar utama Malaysia telah menyumbangkan ubat-ubatan dan bekalan perubatan bernilai hampir RM1.95 juta.



YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU telah menyempurnakan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang & Persaraan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tahun 2015. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Ghazali, Pengarah JKN Melaka, Datuk Dr. Dulhadi, TKP Perubatan JKN Melaka dan seluruh warga JKN Melaka. Seramai 612 orang penerima anugerah APC dan 93 orang bakal pesara telah diraikan. Mereka adalah terdiri daripada warga JKN Melaka, hospital dan pejabat kesihatan daerah. Penerima APC dan warga JKN diharap sentiasa menerapkan nilai kecemerlangan dalam diri bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di samping mengamalkan nilai integriti yang tinggi serta bekerja dalam satu pasukan.



## Anugerah Khidmat Cemerlang & Persaraan JKN Melaka 2015

Tarikh: 19 Mei 2015

Tempat: Hotel Swiss Garden, Melaka



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Malam Media Perdana 2015. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU, Ketua-Ketua Setiausaha, pengarang kanan media tempatan dan pengamal media. Majlis diadakan bertujuan memberi penghargaan kepada pengamal media dalam bidang penyiaran, percetakan dan media digital yang sentiasa bersungguh-sungguh dalam memberikan laporan yang terbaik kepada masyarakat. Pengamal media disarankan supaya sentiasa peka dengan perkembangan semasa berikutan penyebaran maklumat yang pantas melalui media sosial.



YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah menghadiri Majlis Jalinan Mesra Puspanita cawangan KKM. Majlis tersebut diadakan bertujuan menjalinkan ukuwah dan kemesraan di kalangan ahli Puspanita KKM di semua cawangan dan menghargai pencapaian Puspanita KKM dalam menjayakan program kesihatan tahun 2014. Majlis ini diisi dengan sesi perkongsian ilmu mengenai Keselamatan Wanita oleh *Global Protection and Secure (GPS)* dan demonstrasi daripada PDRM tentang cara-cara menyelamatkan diri dalam keadaan tertentu.



**PERSARAAN PEGAWAI-PEGAWAI DI IPKKM  
BAGI BULAN MEI 2015**

**VARUGES A/L V M ABRAHAM**

Jawatan / Tempat	PEGAWAI PENERANGAN GRED S52 BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU
Tarikh Bersara	19.04.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	PINGAT P.P.N 1994, PINGAT KHIDMAT CEMERLANG 1994, BINTANG A.M.N 2014, APC 1994,1997,2010
Tempoh Perkhidmatan	02.01.1980 hingga 19.04.2015 (35 tahun 3 bulan)

**ASIAH BINTI SUPPAT**

Jawatan / Tempat	JURURAWAT GRED U44 (M) BAHAGIAN KEJURURAWATAN
Tarikh Bersara	24.04.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	APC 2006,2010
Tempoh Perkhidmatan	19.05.1978 hingga 24.04.2015 36 tahun 11 bulan

**GANISON A/L SOORINARYANAN**

Jawatan / Tempat	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F44 BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
Tarikh Bersara	09.05.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	APC 1986,1994
Tempoh Perkhidmatan	01.11.1976 hingga 09.05.2015 (38 tahun 6 bulan)

**ANUAR BIN DAN**

Jawatan / Tempat	PEREKA GRED B41 BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN
Tarikh Bersara	01.05.2015 (PILIHAN)
Anugerah / Pingat	APC 2008
Tempoh Perkhidmatan	01.10.1983 hingga 01.05.2015 (31 tahun 7 bulan)



0:45 / 6:00

**PENASIHAT KETUA SETIAUSAHA**

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

**TIMBALAN KETUA SETIUSAHA (P)**

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen

**KETUA PENGARANG**

Hapsah Binti Mohd Dusa

**PENGARANG**Baharudin Bin Mohamad  
Mohd Iswandy Bin Wally  
Mona Ang**PENYUMBANG ARTIKEL**Pejabat Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan  
Unit Komunikasi Korporat